

## **Persepsi Etnik Cina Terhadap Liputan Berita Berunsur Rasisme dan Implikasinya Terhadap Hubungan antara Etnik di Kuala Lumpur**

*(Chinese Ethnic Perception of Racism-Related News Coverage and Its Implications for Interethnic Relations in Kuala Lumpur)*

Ting Ting Yong and Azlina Abdullah\*

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p108562@siswa.ukm.edu.my](mailto:p108562@siswa.ukm.edu.my)

Diserah: 11 November 2025 / Diterima: 29 Mei 2026

**Abstrak.** Kajian ini meneliti bagaimana komuniti etnik Cina di Kuala Lumpur melihat liputan media yang berkaitan isu rasisme serta sejauh mana naratif media dibandingkan dengan pengalaman hidup seharian mempengaruhi pandangan mereka terhadap hubungan antara kaum. Kajian ini mendapati bahawa pengalaman harian dan interaksi rentas etnik lebih dominan dalam membentuk kefahaman mereka berbanding paparan media. Objektif kajian adalah untuk: (1) meneroka respons etnik Cina terhadap liputan berita berunsur rasisme dan diskriminasi; (2) menghuraikan penilaian mereka terhadap hubungan etnik dan perpaduan nasional; (3) memahami peranan pengalaman hidup dalam membentuk makna tentang rasisme; dan (4) meneliti kecenderungan tingkah laku seperti penjarakan sosial, pengelakan dan penapisan sendiri dalam interaksi antara etnik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui enam temu bual mendalam bersama informan yang telah bermastautin di Kuala Lumpur sekurang-kurangnya lima tahun. Kerangka teori menggabungkan Audience Reception Theory (Hall), Interaksi Simbolik (Goffman), dan Pembinaan Sosial (Berger & Luckmann) bagi menjelaskan pembentukan makna melalui pengalaman sosial dan pengaruh media. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun informan menyedari kewujudan unsur rasisme dalam liputan media dan media sosial, mereka lebih dipengaruhi oleh pengalaman peribadi, hubungan harian dan interaksi antara etnik. Justeru, ramai memilih pendirian neutral serta mengamalkan penapisan sendiri demi mengelakkan salah faham dan mengekalkan keharmonian sosial. Kajian ini menegaskan keperluan menilai semula dasar serta memperkukuh peranan pendidikan dan komuniti dalam memupuk hubungan etnik yang lebih inklusif di Kuala Lumpur.

**Kata kunci** Etnik Cina, hubungan etnik, rasisme, sosiologi, teori penerimaan khalayak, wacana media

**Abstract.** This study examines how the Chinese community in Kuala Lumpur perceives media coverage related to racism, and the extent to which media narratives—compared to everyday lived experiences—shape their views on interethnic relations. The objectives of this research are to: (1) explore Chinese Malaysians' responses to news coverage that highlights racial issues and discrimination; (2) describe how they evaluate interethnic relations and national unity; (3) understand the role of lived experiences in shaping their interpretation of racism; and (4) identify behavioural tendencies such as social distancing, avoidance, and self-censorship within interethnic interactions. This qualitative study is based on six in-depth interviews with informants who have resided in Kuala Lumpur for at least five years. The theoretical framework integrates Hall's Audience Reception Theory, Goffman's Symbolic Interactionism, and Berger and Luckmann's Social Construction of Reality to explain how social meaning is formed through media exposure and everyday interactions. Findings indicate that although informants are aware of racial elements in media and social media coverage, they tend to remain neutral and practise self-censorship to avoid misunderstandings and maintain social harmony. Their understanding of racism is shaped more by personal experiences and cross-ethnic relationships than by media narratives. The study highlights the

*need to reassess policies and strengthen the role of education and community initiatives in fostering more inclusive interethnic relations in Kuala Lumpur.*

**Keywords** Audience Reception Theory; Chinese ethnic; interethnic relations; media discourse; racism, sociology

## Pengenalan

Hubungan etnik di Malaysia sentiasa menjadi isu penting dalam wacana awam dan penyelidikan akademik kerana sifat masyarakatnya yang majmuk. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Jerome et al. (2024) mendapati peningkatan liputan berita dan kandungan media sosial berkaitan isu perkauman telah memperhebat perbincangan mengenai rasisme, diskriminasi dan ketidaksamarataan antara etnik dan Bakenne et al. (2025) mendapati bahawa sesetengah pengguna media sosial membawa sentimen etnik ke ruang digital, lalu menilai peristiwa masyarakat berdasarkan kejayaan atau kegagalan tindakan yang diambil oleh sesuatu kumpulan etnik.

Jurang ini menjadi lebih ketara apabila melibatkan komuniti minoriti seperti etnik Cina. Embong (2002) menjelaskan bahawa penerimaan awam terhadap kepelbagaian etnik membolehkan kumpulan majoriti dan minoriti hidup bersama dalam suasana aman dan saling memahami. Embong (2002) turut menegaskan bahawa kepelbagaian etnik juga boleh menjadi sumber ketegangan dan konflik sosial sekiranya tidak diurus dengan baik. Namun, kajian yang meneliti bagaimana kumpulan minoriti mentafsir dan merundingkan mesej media berkaitan rasisme dalam kehidupan seharian masih terhad. Kekurangan ini menimbulkan persoalan penting: sejauh mana liputan media benar-benar mempengaruhi pandangan dan tingkah laku, berbanding pengalaman harian yang membentuk interaksi sosial? Menurut Dzolkifli dan Mohd Tohar (2025), situasi masyarakat Malaysia kini terdapat pelbagai isu dan konflik sering terjadi terutama melibatkan hubungan interaksi sosial antara berlainan kaum, Othman (2025) juga menekankan peranan modal sosial (social capital) dalam membina perpaduan sosial dalam masyarakat berbilang etnik di Malaysia, termasuk pembentukan hubungan intra- dan inter-etnik serta hubungan dengan institusi sosial. Konsep bonding, bridging dan linking social capital membantu menjelaskan bagaimana interaksi sosial dan struktur sosial mempengaruhi tafsiran khalayak terhadap isu-isu etnik dan media sosial dalam konteks Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan sebuah bandar metropolitan yang sangat berbilang budaya dan etnik, di mana interaksi rentas kaum berlaku secara kerap dalam pelbagai konteks sosial, termasuk komunikasi harian di komuniti perumahan. Pernyataan ini disokong oleh kajian di Wangsa Maju yang menunjukkan pola komunikasi antara etnik berlainan berlaku dan berkait dengan prejudis serta jarak sosial dalam hubungan harian (Yunus et al., 2020). Selain itu, penggunaan media sosial di Kuala Lumpur yang tinggi juga memberi implikasi terhadap proses akulturasi budaya dan identiti etnik, menunjukkan bahawa pendedahan media digital berperanan penting dalam pengalaman sosial etnik di bandar ini (Balakrishnan et al., 2024).

Berbeza daripada pendekatan Jerome et al. (2024) yang melihat media sebagai faktor penentu secara langsung terhadap sikap atau tingkah laku dan Bakenne et al. (2025) yang meneliti bagaimana sentimen etnik mempengaruhi penglibatan lanjut dalam ruang digital, kajian ini mengaplikasikan perspektif berpusatkan khalayak untuk memahami bagaimana individu etnik Cina di Kuala Lumpur mentafsir, merundingkan, dan dalam sesetengah keadaan menjauhkan diri daripada naratif media berunsur rasisme. Dengan menekankan proses penerimaan dan pembentukan makna, kajian ini berusaha mengisi jurang penyelidikan berkaitan pemahaman khalayak terhadap isu perkauman dalam konteks kehidupan seharian masyarakat majmuk, sekaligus menyumbang kepada perbincangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional di Malaysia.

### *Gabungan Teori Media Dan Sosial Sebagai Kerangka Analisis*

Kajian ini menggunakan gabungan teori media dan sosial. Dari sudut media, Teori Penerimaan Khalayak (Audience Reception Theory) digunakan untuk melihat bagaimana khalayak menerima, berunding, atau menolak mesej. Dari sudut sosial, kajian ini mengambil pendekatan Interaksi Simbolik, dengan pengalaman

harian berperanan sebagai penapis naratif, dan Teori Pembinaan Sosial, di mana sikap tidak berpihak digunakan sebagai strategi dalam interaksi sosial. Kerangka Teori Penerimaan Khalayak menegaskan bahawa teks media bersifat polisemi dan boleh dibaca secara dominan, berunding, atau menolak. Dalam isu sensitif seperti perkauman, komuniti minoriti lazimnya memilih bacaan berunding/neutral untuk mengelakkan konflik serta mengekalkan harmoni sosial. Bukti tempatan menyokong corak berhati-hati ini. Aminnuddin (2020) mendapati diskriminasi kerap terserlah dalam amalan harian misalnya kesediaan menerima jiran dari kaum/agama berbeza menggambarkan bahawa respons khalayak terhadap isu rasisme bersyarat dan berlapis.

Disebaliknya, teori Interaksi Simbolik mengingatkan bahawa makna terbit daripada interaksi sosial berterusan. Dalam persekitaran bandar, pergaulan di tempat kerja, kejrangan dan institusi pendidikan sering menguji kesahihan naratif media. Apabila pengalaman nyata tidak sejajar dengan gambaran ekstrem di media, khalayak cenderung menyederhanakan tafsiran, berlatih penapisan sendiri dan mengelak pertikaian. Dapatan tempatan tentang amalan hubungan rentas etnik yang positif di peringkat akar umbi mengukuhkan pemerhatian ini (Mat Din et al., 2020). Daripada sudut Pembinaan Sosial, rasisme ialah hasil rundingan makna dalam masyarakat. Dalam konteks bandar kepelbagaian budaya, tafsiran yang pragmatik dan kontekstual sering muncul: tidak berpihak, pengelakan konflik dan penapisan sendiri menjadi strategi sosial untuk menjaga kelangsungan hubungan (Clair & Denis, 2015). Pandangan ini sejalan dengan pemerhatian tentang bagaimana stereotaip dan kelebihan struktur boleh beroperasi secara halus melalui institusi (Ashe & Nazroo, 2016).

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan dua jurang utama iaitu kecenderungan memisahkan analisis wacana media daripada pengalaman sosial harian khalayak, serta kekurangan fokus terhadap komuniti etnik Cina di bandar sebagai subjek tafsiran aktif terhadap liputan rasisme. Mengisi jurang ini menuntut gabungan kerangka komunikasi seperti pendekatan Reception/decoding dan Interaksi Simbolik dengan pemerhatian konteks bandar, termasuk pendedahan media sosial dan interaksi rentas etnik. Rasional pemilihan Kuala Lumpur ialah sifatnya sebagai hab kepelbagaian etnik dengan arus maklumat yang tinggi, menjadikannya sesuai untuk meneliti bagaimana naratif media dan pengalaman hidup saling membentuk makna rasisme dan hubungan etnik.

## Metodologi

Kajian ini telah dijalankan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan. Semua informan yang terlibat dalam kajian ini telah diberikan maklumat lengkap mengenai tujuan kajian, prosedur pengumpulan data, dan hak mereka sebagai peserta. Persetujuan bertulis telah diperolehi daripada semua informan sebelum penglibatan mereka, dan mereka diberi hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang akibat. Identiti informan dan maklumat peribadi mereka dijamin kerahsiaannya, dan data yang dikumpul disimpan dengan selamat serta hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan. Kajian ini juga telah mendapat kelulusan daripada lembaga etika yang berkenaan di institusi penyelidikan, memastikan bahawa semua prosedur mematuhi standard etika penyelidikan.

Gunter (2000) mengemukakan bahawa penyelidikan kualitatif merangkumi kaedah yang secara teorinya dibingkai oleh masalah sains sosial. Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam reaksi serta tafsiran informan terhadap liputan berita berunsur rasisme, sejajar dengan penekanan Gunter (2000) terhadap kepentingan mengkaji kesan media melalui respons dan pengalaman khalayak. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bersempena separa berstruktur sebagai teknik utama pengumpulan data. Menurut DiCicco-Bloom dan Crabtree (2006), temu bual kualitatif membolehkan penyelidik meneroka makna, pengalaman dan perspektif informan melalui interaksi langsung yang bersifat fleksibel menyediakan keseimbangan antara struktur soalan yang dirancang dan kebebasan untuk mengembangkan soalan susulan berdasarkan jawapan informan. Pendekatan ini sesuai untuk kajian yang memerlukan pemahaman mendalam terhadap pengalaman subjektif dan pembentukan makna sosial.

Selaras dengan pandangan tersebut, penggunaan temu bual separa berstruktur dalam kajian ini memberi ruang kepada informan untuk menyuarakan pandangan mereka dalam bahasa dan makna sendiri

tanpa terikat sepenuhnya kepada set soalan. Kaedah ini membolehkan penyelidik mendapatkan data yang kaya dengan konteks, seterusnya meningkatkan keupayaan analisis terhadap tafsiran dan persepsi informan mengenai kandungan media yang dipaparkan. Selain itu, penggunaan rakaman audio dalam proses temu bual adalah selari dengan prinsip pengumpulan data kualitatif yang menekankan ketepatan dokumentasi respons informan (DiCicco-Bloom & Crabtree, 2006). Rakaman ini membolehkan analisis dilakukan secara berulang dan teliti bagi memastikan interpretasi yang lebih tepat terhadap makna yang disampaikan oleh informan. Pendekatan ini juga sejajar dengan penegasan Gunter (2000) bahawa pengukuran reaksi khalayak terhadap kandungan media memerlukan pemerhatian dan dokumentasi respons yang sistematik. Secara keseluruhannya, pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti reaksi, tafsiran dan pengalaman sosial informan secara mendalam, sejajar dengan kerangka kajian media dan khalayak yang diuraikan oleh Gunter (2000) serta prinsip temu bual kualitatif yang dijelaskan oleh DiCicco-Bloom dan Crabtree (2006).

### *Pemilihan Informan*

Pemilihan informan dilakukan melalui persampelan bertujuan demi memperolehi kedalaman maklumat dari respons informan berbanding kebolehwakilan statistik. Kriteria pemilihan informan adalah seperti berikut: Pemilihan Generasi Y adalah berasaskan ciri mereka sebagai generasi yang membesar dalam era transformasi teknologi dan media baharu. Mereka bukan sahaja aktif di media sosial, malah turut membentuk tafsiran kritikal terhadap isu sosial dan identiti melalui interaksi digital (Briandana & Azman Azwan, 2020; Balakrishnan et al., 2025).

Walaupun bilangan informan dalam kajian ini adalah kecil, penyelidik telah mengambil langkah berhati-hati untuk memastikan keseimbangan dan kepelbagaian dalam pemilihan peserta. Dari segi jantina, enam orang informan terdiri daripada tiga lelaki dan tiga perempuan. Pemilihan ini bukan sahaja bersifat simbolik, tetapi bertujuan untuk mengelakkan dominasi perspektif daripada satu kumpulan jantina sahaja. Dengan adanya keseimbangan ini, penyelidik dapat meneliti sama ada wujud perbezaan atau persamaan pandangan yang mungkin dipengaruhi oleh faktor jantina, sekali gus memperkayakan analisis.

Menurut Gunter (2000), penyelidikan kualitatif memberi keutamaan kepada pemahaman mendalam terhadap fenomena sosial, bukan kepada sampel besar yang bersifat representatif. Oleh itu, walaupun bilangan sampel dalam kajian ini kecil, ia dipilih secara teliti untuk memastikan informan dapat memberikan pandangan yang relevan dan mendalam. Seramai enam orang informan telah dipilih bagi kajian ini. Saiz sampel ini dianggap mencukupi untuk kajian kualitatif yang menekankan kedalaman data dan ketepatan tema, selaras dengan amalan penyelidikan kualitatif.

*Jadual 1. Profil Informan*

<b>Kod Informan</b>	<b>Umur / Jantina</b>	<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Pekerjaan</b>
Informan 1	37, Perempuan	Diploma	Sumber Manusia
Informan 2	37, Perempuan	Sarjana Muda	Perniagaan Sendiri
Informan 3	35, Perempuan	Sarjana	Pemasaran
Informan 4	36, Lelaki	Sarjana Muda	Kejuruteraan Perisian
Informan 5	41, Lelaki	Diploma Lanjutan	Pemasaran
Informan 6	41, Lelaki	Sarjana Muda	Senibina Dalaman

### *Prosedur Pengumpulan Data*

Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam separa berstruktur. Panduan temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan kerangka teori, meliputi topik seperti pengalaman pendedahan media, tafsiran terhadap liputan berita berunsur rasisme, pengalaman interaksi rentas etnik, serta pandangan terhadap hubungan etnik dan perpaduan nasional.

Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian, bergantung kepada kesesuaian dan kesediaan informan. Setiap sesi temu bual berlangsung antara 45 hingga 60 minit dan direkodkan dengan persetujuan informan. Rakaman temu bual kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim untuk tujuan analisis. Beberapa laporan berita atas talian dan video daripada media sosial digunakan sebagai bahan rangsangan untuk mengarahkan temu bual, contohnya berita berunsur perlawanan mejar etnik Cina di Johor dan video di YouTube mengenai isu penerimaan pelajar bukan Bumiputera di UiTM yang menunjukkan bantahan terhadap cadangan tersebut.

### *Analisis Data*

Dalam kajian ini, tema-tema dibentuk melalui proses induktif-deduktif. Proses induktif berlaku apabila penyelidik meneliti transkripsi penuh temu bual dan mengenal pasti corak, petikan, atau pengalaman yang bermakna daripada informan. Tema-tema awal, seperti pandangan terhadap perpaduan, rasisme, atau respons terhadap media, muncul daripada data itu sendiri, berdasarkan makna subjektif, pengalaman hidup, dan tafsiran individu (DiCicco-Bloom & Crabtree, 2006). Setiap tema kemudian dianalisis secara deduktif dengan merujuk kepada teori sosiologi dan komunikasi, termasuk Teori Pembinaan Sosial, Teori Interaksionisme Simbolik, dan Audience Reception Theory, untuk memahami “mengapa” dan “bagaimana” fenomena sosial berlaku (Gunter, 2000). Tema tidak hanya mewakili apa yang dikatakan informan, tetapi juga dihubungkan dengan konteks sosial yang lebih luas dan struktur komunikasi yang berlaku. Pendekatan ini memastikan analisis bukan sekadar deskriptif, tetapi juga interpretatif dan berasaskan teori, membolehkan naratif yang kohesif dan bermakna dibina daripada pengalaman individu. Tema terbentuk dari persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah pendapat etnik Cina di Kuala Lumpur mengenai liputan berita rasisme dan isu-isu diskriminasi perkauman dan pandangan terhadap fungsi media dalam memupuk dan meruntuh perpaduan sebuah masyarakat?
- ii. Apakah yang difahami oleh etnik Cina di Kuala Lumpur perpaduan yang telah dicapai oleh Malaysia dan yang boleh diperbaiki?
- iii. Apakah pengalaman hidup peribadi berkenaan isu sentimen perkauman di Malaysia dan apakah pendapat etnik Cina di Kuala Lumpur terhadap persamaan dan perbezaan tahap isu perkauman di Malaysia bersama dengan luar negara?
- iv. Sejauhmanakah etnik Cina di Kuala Lumpur menerima dan meraikan kepelbagaian budaya antara etnik yang berbilang kaum?

Analisis data dijalankan menggunakan analisis tematik, kemudian proses analisis untuk memperoleh subtema secara induktif melibatkan beberapa peringkat:

- i. Semua rakaman temu bual ditranskripsikan secara *verbatim* bagi memastikan ketepatan maklumat dan mengelakkan kehilangan apa yang mungkin penting dalam analisis (DiCicco-Bloom & Crabtree, 2006).
- ii. Tema-tema dikenal pasti berdasarkan objektif kajian dan persoalan penyelidikan kemudian petikan-petikan yang relevan dikumpulkan di bawah tema tertentu bagi membina naratif yang konsisten dan berlapis (Gunter, 2000). Antara tema yang muncul termasuk respons terhadap liputan media, pandangan tentang perpaduan, pengaruh pengalaman hidup, dan hubungan rentas sosial.
- iii. Setiap tema dianalisis dengan mengaitkan dapatan kepada teori dan literatur terdahulu. Pendekatan ini memastikan analisis bukan sekadar deskriptif tetapi juga interpretatif dan berasaskan bukti (DiCicco-Bloom & Crabtree, 2006; Gunter, 2000).

## Hasil Kajian

### *Tema 1: Respons Etnik Cina Di Kuala Lumpur Terhadap Liputan Berita Berunsur Rasisme Dan Diskriminasi Kaum*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa respons etnik Cina di Kuala Lumpur terhadap liputan berita berunsur rasisme dan diskriminasi kaum bersifat berhati-hati, berunding, dan cenderung neutral. Secara umum, informan tidak menerima kandungan media secara pasif, sebaliknya menilai semula mesej yang dipaparkan berdasarkan pengalaman sosial harian, persepsi terhadap kredibiliti media, dan keperluan untuk mengekalkan keharmonian dalam hubungan antara etnik. Analisis juga menunjukkan beberapa corak utama, iaitu persepsi bahawa media membesar-besarkan isu tertentu, kecenderungan untuk tidak berpihak, kesedaran terhadap kemungkinan keberpihakan media, amalan semakan silang maklumat, dan penapisan makna melalui pengalaman sosial yang positif.

#### *a. Sensitiviti isu dan kecenderungan media membesar-besarkan kontroversi*

Sebahagian informan berpandangan bahawa media cenderung memperluas isu yang pada asalnya kecil sehingga menimbulkan polemik sosial dan agama yang lebih besar. Persepsi ini menunjukkan bahawa informan membaca kandungan berita secara kritikal dan menyedari bahawa cara sesuatu isu dibingkaikan boleh mempengaruhi tahap sensitiviti awam. Dalam konteks ini, media tidak dilihat sekadar menyampaikan maklumat, tetapi turut berperanan memperkuatkan ketegangan melalui pengulangan dan penonjolan isu tertentu.

*“Pendapat saya ialah media suka membesar-besarkan isu kecil. Contohnya, isu stokin sepatutnya boleh selesai dengan mudah, tetapi ia diulang-ulang sehingga jadi isu agama.”*

(Informan 2, Perempuan, 35)

Petikan ini memperlihatkan bahawa informan menilai media sebagai aktor yang boleh mengubah isu harian menjadi pertikaian yang lebih luas. Oleh itu, respons terhadap liputan rasisme bukan sahaja bergantung pada kandungan berita itu sendiri, tetapi juga pada cara isu tersebut dibingkaikan dan diulang dalam ruang media.

#### *b. Pendirian neutral sebagai strategi mengelakkan konflik*

Satu corak yang jelas dalam data ialah kecenderungan informan untuk mengambil pendirian neutral apabila berhadapan dengan liputan berita berkaitan rasisme dan diskriminasi. Sikap ini tidak semestinya menunjukkan ketidakpedulian, tetapi lebih menggambarkan strategi sosial untuk mengelakkan pertikaian terbuka, khususnya dalam masyarakat majmuk yang sensitif terhadap isu perkauman. Neutraliti dilihat sebagai pendekatan pragmatik yang membolehkan informan mengekalkan keharmonian sosial tanpa perlu terlibat secara langsung dalam konflik wacana.

*“Saya pilih untuk kekal neutral kerana tidak berminat dengan isu itu. Bagi saya, cukup sekadar tidak berpihak—betul atau salah bukan perkara utama.”*

(Informan 5, Lelaki, 41)

*“Saya boleh katakan saya agak neutral kerana setiap orang ada pandangan masing-masing... bagi saya, ia hanyalah berita, itu sahaja.”*

(Informan 3, Perempuan, 35)

Kedua-dua petikan ini menunjukkan bahawa informan tidak semestinya menerima bulat-bulat mesej media, tetapi memilih untuk menjarakkan diri daripada penilaian yang tegas. Ini mencerminkan satu bentuk bacaan berunding, iaitu mengakui kewujudan isu tetapi pada masa yang sama enggan memperuncingkan keadaan melalui pendirian yang konfrontatif.

*c. Persepsi terhadap keberpihakan media dan ketidakadilan yang lebih meluas*

Di samping sikap neutral, informan turut menyuarakan kebimbangan terhadap kandungan media yang dianggap berat sebelah atau terlalu memihak kepada satu pihak sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa liputan berunsur rasisme tidak sentiasa diterima sebagai representasi yang adil terhadap realiti sosial. Malah, ada informan yang melihat diskriminasi sebagai isu yang melangkaui satu etnik tertentu, lalu menilai bahawa ketidakadilan berlaku dalam skala yang lebih luas.

*“Saya rasa kebanyakan kandungan cenderung untuk memihak kepada satu pihak sahaja, sedangkan seorang individu tidak mewakili keseluruhan komuniti... saya tidak menyokong atau menolak—ia hanyalah berita bagi saya.”*

(Informan 5, Lelaki, 41)

*“Saya rasa diskriminasi bukan hanya terhadap orang Cina, kadang-kadang orang India pun kena. Perkara ini memang mengecewakan.”*

(Informan 4, Lelaki, 36)

Petikan ini memperlihatkan bahawa informan bukan sahaja menilai isu dari sudut etnik sendiri, tetapi turut menyedari bahawa diskriminasi boleh menjejaskan kumpulan lain. Kesedaran ini memperluas tafsiran mereka terhadap rasisme sebagai masalah sosial yang lebih umum, bukan semata-mata pengalaman yang terhad kepada satu komuniti.

*d. Semakan silang maklumat sebagai amalan literasi media*

Sebahagian informan menunjukkan tahap kewaspadaan yang tinggi terhadap kandungan berita dengan mengamalkan semakan silang sebelum membentuk pendapat. Amalan ini menandakan bahawa khalayak tidak semata-mata dipengaruhi oleh satu sumber media, sebaliknya menilai ketepatan maklumat melalui perbandingan dengan sumber lain. Dalam konteks kajian ini, semakan silang menjadi satu bentuk literasi media yang membantu informan mengelakkan salah tafsir terhadap isu yang sensitif.

*“Saya akan semak berita dengan berhati-hati dan bandingkan dengan sumber lain. Lepas pasti maklumat betul, barulah saya buat kesimpulan.”*

(Informan 6, Lelaki, 41)

Petikan ini menunjukkan bahawa penerimaan terhadap berita berunsur rasisme berlaku melalui proses penilaian yang aktif. Dengan kata lain, informan berperanan sebagai penafsir yang menapis maklumat, bukannya penerima pasif kepada naratif media.

*e. Pengalaman sosial positif sebagai penapis kepada naratif media*

Selain menilai kandungan berita, informan juga menapis naratif media melalui pengalaman sosial harian yang mereka lalui bersama etnik lain. Pengalaman interaksi yang positif berupaya membentuk persepsi yang lebih seimbang dan mengurangkan kecenderungan untuk menerima gambaran media secara negatif. Dalam hal ini, pengalaman kehidupan seharian menjadi rujukan penting dalam menilai sama ada naratif media benar-benar mencerminkan realiti hubungan antara etnik.

*“Ada yang kata orang Melayu lebih mudah hulur bantuan berbanding orang Cina.”*

(Informan 1, Perempuan, 37)

Walaupun ringkas, petikan ini memperlihatkan bahawa penilaian informan terhadap hubungan antara etnik turut dipengaruhi oleh pengalaman sosial yang konkrit. Hal ini menunjukkan bahawa naratif media tentang rasisme sentiasa dirundingkan semula melalui interaksi sebenar, bukan diterima secara langsung tanpa pertimbangan.

Secara keseluruhannya, respons etnik Cina di Kuala Lumpur terhadap liputan berita berunsur rasisme dan diskriminasi kaum memperlihatkan satu pola penerimaan yang pragmatik dan berlapis. Informan

cenderung menilai liputan media secara berhati-hati, terutama apabila isu yang dilaporkan dilihat sebagai sensitif, dibesar-besarkan, atau berpotensi menimbulkan salah faham antara etnik. Pada masa yang sama, kecenderungan untuk kekal neutral, menyemak maklumat daripada pelbagai sumber, serta merujuk kepada pengalaman sosial harian menunjukkan bahawa makna berita tidak diterima secara langsung, tetapi dirundingkan semula berdasarkan konteks kehidupan sebenar. Dapatan ini menggambarkan bahawa dalam berhadapan dengan isu rasisme, informan lebih mengutamakan kestabilan hubungan sosial dan keharmonian berbanding konfrontasi terbuka.

### *Tema 2: Pandangan Kritikal Dan Mendalam Etnik Cina Di Kuala Lumpur Terhadap Hubungan Etnik Dan Perpaduan Nasional*

Dapatan menunjukkan bahawa pandangan informan etnik Cina di Kuala Lumpur terhadap hubungan etnik dan perpaduan nasional bersifat reflektif, kritikal dan berlapis. Berdasarkan penulisan asal, informan mengiktiraf bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan mempunyai tahap perpaduan yang relatif baik, namun mereka juga menegaskan bahawa perpaduan tersebut belum dicapai secara menyeluruh. Pandangan mereka dibentuk oleh kesedaran terhadap isu kebebasan bersuara, keperluan mengiktiraf sumbangan semua kaum, jurang perpaduan mengikut konteks geografi, serta kecenderungan segelintir pihak untuk tidak meluahkan isu secara terbuka.

#### *a. Kebebasan, demokrasi dan rasa keterbatasan dalam negara berbilang kaum*

Salah satu tema utama yang muncul ialah pandangan bahawa status Malaysia sebagai negara berbilang kaum tidak semestinya diterjemahkan kepada pengalaman kebebasan yang sebenar. Informan melihat bahawa wacana perpaduan kadangkala hadir secara formal, tetapi pelaksanaannya masih dibatasi oleh persepsi kelompok, struktur kuasa, dan rasa bahawa suara sesetengah komuniti tidak benar-benar diwakili secara inklusif. Tafsiran ini menunjukkan bahawa bagi informan, perpaduan bukan sekadar kewujudan masyarakat majmuk, tetapi juga berkait rapat dengan keadilan simbolik dan ruang yang saksama untuk semua kaum menyuarakan pandangan.

*“Kita selalu kata kita negara berbilang kaum, tapi kenapa kebebasan sebenar masih belum diamalkan? Mereka mungkin rasa mereka mewakili komuniti besar, tapi bagi kami, ia nampak macam hanya mewakili kaum mereka sendiri.”*

(Informan 2, Perempuan, 37)

Petikan ini memperlihatkan rasa kritikal terhadap jurang antara wacana rasmi tentang kemajmukan dengan pengalaman sebenar tentang kebebasan dan representasi. Ini memberi makna bahawa perpaduan yang tulen pada pandangan informan perlu disertai dengan pengiktirafan yang lebih adil terhadap suara pelbagai komuniti.

#### *b. Mengiktiraf kewujudan dan sumbangan setiap kaum sebagai asas keharmonian*

Selain menilai isu kebebasan, informan turut menekankan bahawa hubungan etnik yang baik tidak boleh dibina hanya dengan mengelakkan prejudis. Sebaliknya, perpaduan yang lebih mendalam memerlukan pengiktirafan terhadap kewujudan, martabat dan sumbangan setiap kumpulan etnik dalam masyarakat. Dapatan ini menunjukkan bahawa keharmonian antara kaum ditafsir bukan sebagai keadaan pasif tanpa konflik semata-mata, tetapi sebagai hubungan sosial yang aktif dibina melalui penghargaan bersama.

*“Ia bukan soal mempunyai prasangka terhadap kaum lain, tetapi lebih kepada mengiktiraf dan menghargai kewujudan serta sumbangan setiap kaum.”*

(Informan 1, Perempuan, 37)

Petikan ini menunjukkan bahawa informan menilai perpaduan dari sudut yang lebih inklusif dan konstruktif. Dalam konteks ini, hubungan etnik yang sihat memerlukan pengiktirafan bersama.

*c. Perpaduan diakui tinggi, tetapi belum merata antara konteks sosial dan geografi*

Dapatan juga menunjukkan bahawa informan tidak menolak sepenuhnya pencapaian perpaduan nasional. Sebaliknya, mereka mengiktiraf bahawa tahap perpaduan sememangnya telah berkembang dengan baik, khususnya dalam ruang sosial tertentu seperti institusi pendidikan. Namun begitu, informan turut menegaskan bahawa perpaduan tersebut masih tidak merata dan berdepan cabaran berterusan, terutama apabila melibatkan isu sensitif yang dipaparkan dalam media serta hubungan antara etnik di kawasan yang kurang terdedah kepada interaksi pelbagai kaum.

*“Saya rasa kita sudah mencapai lebih 80% tahap perpaduan. Jelas pelajar saling menyokong antara satu sama lain. Baki 20% itu merujuk kepada beberapa isu yang timbul dalam berita baru-baru ini. Di kawasan luar bandar, ada komuniti yang masih kelihatan ragu-ragu apabila berdepan dengan kaum lain.”*

(Informan 4, Lelaki, 36)

Petikan ini menggambarkan bahawa informan mempunyai pandangan yang seimbang, iaitu mengiktiraf kemajuan yang telah dicapai sambil tetap menyedari kekurangan yang masih wujud. Perpaduan nasional dalam tafsiran ini bersifat bertingkat dan dipengaruhi oleh pengalaman interaksi sosial yang tidak sama antara satu konteks dengan konteks yang lain.

*d. Kesedaran terhadap isu yang tidak diluahkan secara terbuka*

Satu lagi dapatan penting ialah kesedaran informan bahawa tidak semua isu hubungan etnik atau ketegangan sosial dapat disuarakan secara terbuka dalam masyarakat. Media dilihat memainkan peranan dalam membuka mata terhadap realiti tertentu, tetapi pada masa yang sama kewujudan perkara yang tidak berani diperkatakan menunjukkan bahawa perpaduan yang wujud mungkin bersifat permukaan dalam sesetengah keadaan. Tafsiran ini memperlihatkan bahawa diam atau senyap dalam ruang awam tidak semestinya menandakan ketiadaan masalah, sebaliknya boleh mencerminkan batasan sosial atau politik dalam menyuarakan pandangan.

*“Sebenarnya bukan kita saja yang ada isu, negara lain pun sama. Bila kita baca berita, barulah sedar. Kalau kita tak tahu, kita mungkin fikir semuanya aman, sedangkan banyak perkara berlaku yang kita tak berani nak suarakan. Keadaan ini sebenarnya tidak mencerminkan sebuah negara demokrasi yang sebenar.”*

(Informan 2, Perempuan, 37)

Petikan ini menunjukkan bahawa informan melihat media sebagai saluran yang boleh menyingkap realiti tersembunyi, namun pada masa yang sama mengkritik keadaan sosial yang membataskan keterbukaan awam. Dalam konteks hubungan etnik, dapatan ini memberi petunjuk bahawa perpaduan perlu dinilai bukan hanya melalui gambaran harmoni yang kelihatan, tetapi juga melalui kemampuan masyarakat untuk berbincang secara terbuka tentang masalah yang wujud.

Secara keseluruhannya, pandangan kritikal dan mendalam etnik Cina di Kuala Lumpur terhadap hubungan etnik dan perpaduan nasional boleh difahami melalui empat pola utama, iaitu persoalan tentang kebebasan dan demokrasi, keperluan mengiktiraf sumbangan semua kaum, pengakuan bahawa perpaduan telah dicapai tetapi belum merata, serta kesedaran bahawa banyak isu masih tidak diungkapkan secara terbuka.

*Tema 3: Pengaruh Pengalaman Hidup Peribadi Bersama Masyarakat Pelbagai Etnik Terhadap Pemahaman Konsep Rasisme Dan Diskriminasi Perkauman*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman hidup peribadi bersama masyarakat pelbagai etnik memainkan peranan penting dalam membentuk pemahaman informan terhadap rasisme dan diskriminasi perkauman. Secara umum, pemahaman ini tidak dibentuk semata-mata melalui liputan media, tetapi turut lahir daripada pengalaman harian dalam persekitaran sekolah, institusi pendidikan, komuniti setempat, dan hubungan persahabatan rentas etnik. Analisis data memperlihatkan bahawa pengalaman interaksi yang positif

cenderung membina persepsi yang lebih terbuka dan inklusif, manakala pengalaman yang terbatas atau dipengaruhi oleh faktor agama serta realiti sosial semasa menghasilkan pemahaman yang lebih bernuansa dan berhati-hati terhadap isu rasisme.

*a. Interaksi harian yang positif membentuk persepsi inklusif sejak awal*

Sebahagian informan menggambarkan bahawa interaksi dengan masyarakat pelbagai etnik dalam persekitaran awal seperti sekolah berlaku secara semula jadi dan tidak terlalu dipengaruhi oleh identiti kaum. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman sosial yang positif sejak usia muda berupaya membentuk pandangan yang lebih inklusif terhadap hubungan antara etnik. Dalam konteks ini, aktiviti bersama dan kerjasama harian menjadi ruang penting untuk mengurangkan penekanan terhadap perbezaan kaum dalam hubungan sosial.

*“Semasa gotong-royong di sekolah, saya tak kaitkan dengan kaum. Orang Melayu boleh hidup harmoni bersama India dan Cina.”*

(Informan 3, Perempuan, 35)

Petikan ini memperlihatkan bahawa pengalaman interaksi yang berlaku dalam suasana harmoni menjadikan identiti etnik kurang dominan dalam pembentukan persepsi sosial. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman hidup sebenar boleh menjadi asas penting kepada pemahaman yang lebih positif terhadap kepelbagaian etnik.

*b. Hubungan rentas etnik dalam pendidikan mengukuhkan persefahaman jangka panjang*

Dapatan juga menunjukkan bahawa hubungan rentas etnik yang terjalin dalam institusi pendidikan bukan sahaja berlaku secara sementara, tetapi berpotensi membina persefahaman yang lebih mendalam dan berpanjangan. Interaksi yang kerap, bermakna, dan berlaku dalam tempoh yang lama membolehkan informan mengenali individu daripada etnik lain secara lebih dekat. Keadaan ini secara tidak langsung mengurangkan sempadan sosial dan membuka ruang kepada hubungan yang lebih akrab merentas etnik.

*“Semasa di politeknik, saya rapat dengan rakan sekelas Melayu dan masih berhubung hingga kini. Malah, seorang rakan Cina berkahwin dengan Melayu.”*

(Informan 4, Lelaki, 36)

Petikan ini menunjukkan bahawa pengalaman hidup dalam ruang pendidikan bukan sahaja menghasilkan hubungan yang positif, tetapi juga memberi kesan jangka panjang terhadap cara informan memahami hubungan antara etnik. Dalam erti kata lain, interaksi yang berterusan menjadikan perbezaan etnik kurang dilihat sebagai penghalang kepada hubungan sosial yang erat.

*c. Keserasian peribadi lebih utama daripada kaum atau status sosial dalam persahabatan*

Bagi sesetengah informan, pembentukan jaringan persahabatan lebih banyak ditentukan oleh keserasian hubungan peribadi berbanding identiti etnik atau status sosial. Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam kehidupan harian tertentu, pemilihan rakan tidak berasaskan kategori etnik secara langsung, sebaliknya dipengaruhi oleh keselesaan, nilai bersama, dan keterbukaan dalam interaksi. Perspektif ini memperlihatkan bahawa hubungan rentas etnik boleh berlaku secara natural apabila perbezaan kaum tidak dijadikan asas utama dalam menilai seseorang.

*“Saya anggap perkara ini biasa, bukan soal suka atau tidak suka. Kita tidak terlalu melihat siapa Melayu atau siapa kaya untuk dijadikan kawan.”*

(Informan 5, Lelaki, 41)

Petikan ini menggambarkan bahawa pengalaman harian yang terbuka boleh mengurangkan penekanan terhadap perbezaan etnik dan status sosial dalam hubungan interpersonal. Ini menjelaskan bahawa pemahaman terhadap rasisme dan diskriminasi juga dipengaruhi oleh sejauh mana individu mengalami hubungan sosial yang lebih egalitarian dalam kehidupan sebenar.

*d. Hubungan rentas etnik wujud tetapi tidak semestinya mendalam*

Walaupun terdapat pengalaman positif dalam interaksi rentas etnik, kajian ini juga menunjukkan bahawa kewujudan hubungan antara kaum tidak semestinya membawa kepada integrasi sosial yang mendalam. Sesetengah informan mengakui bahawa hubungan dengan etnik lain memang wujud, namun kekal pada tahap yang agak terbatas. Dapatan ini menunjukkan bahawa keakraban sosial masih dipengaruhi oleh faktor keselesaan, persekitaran, dan corak komunikasi harian yang tidak semestinya membuka ruang kepada hubungan yang lebih rapat.

*“Ada kawan Melayu, tetapi tidaklah bergaul sangat.”*

(Informan 6, Lelaki, 41)

Petikan ini menunjukkan bahawa interaksi rentas etnik tidak secara automatik membawa kepada kefahaman yang mendalam atau pengurangan jarak sosial sepenuhnya. Sebaliknya, hubungan sedemikian boleh kekal bersifat permukaan bergantung pada konteks dan intensiti interaksi yang dialami.

*e. Agama sebagai faktor yang mempengaruhi kecenderungan sosial*

Selain kaum, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa agama menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kecenderungan seseorang dalam membentuk hubungan sosial. Dalam konteks masyarakat majmuk, rasa selesa, nilai yang dikongsi, dan latar kepercayaan bersama boleh menjadi asas penting dalam pemilihan rakan atau jaringan sosial. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap hubungan etnik dan rasisme tidak boleh dilihat hanya melalui lensa etnik, tetapi juga perlu mengambil kira unsur agama dan identiti sosial yang lain.

*“Saya lebih selesa bergaul dengan kawan yang sama agama, iaitu Kristian.”*

(Informan 2, Perempuan, 37)

Petikan ini memperlihatkan bahawa pembentukan hubungan sosial turut dipandu oleh pertimbangan kepercayaan dan keselesaan yang dikongsi bersama. Justeru, pengalaman hidup peribadi dalam masyarakat pelbagai etnik adalah kompleks kerana ia melibatkan lebih daripada satu dimensi identiti sosial.

*f. Jurang antara nilai pendidikan dan realiti sosial memperdalam kefahaman tentang rasisme*

Satu lagi dapatan penting ialah perasaan kecewa yang timbul apabila informan membandingkan nilai keharmonian yang dipelajari melalui pendidikan dengan realiti sosial semasa yang masih memperlihatkan unsur perkauman. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemahaman tentang rasisme bukan sahaja dibentuk melalui pengalaman interaksi langsung, tetapi juga melalui pemerhatian terhadap ketidaksejajaran antara nilai normatif yang diajar dengan pengalaman sosial sebenar. Dalam konteks ini, rasisme difahami bukan sekadar sebagai pengalaman peribadi, tetapi juga sebagai realiti sosial yang bertentangan dengan idealisme yang sepatutnya dicapai dalam masyarakat.

*“Saya rasa sedikit kecewa kerana generasi kita sepatutnya lebih baik dengan pendidikan yang diterima. Dalam Pendidikan Moral, kita diajar hidup harmoni bersama kaum lain. Jadi, apabila membaca berita seperti ini, memang menyentuh perasaan.”*

(Informan 3, Perempuan, 35)

Petikan ini menonjolkan jurang antara aspirasi pendidikan dan realiti sosial yang dialami atau diperhatikan oleh informan. Hal ini memberi makna bahawa kefahaman terhadap rasisme dibentuk secara berlapis, iaitu melalui pengalaman langsung, pemerhatian sosial, dan perbandingan antara nilai yang diajar dengan dunia sebenar.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman hidup peribadi bersama masyarakat pelbagai etnik membentuk pemahaman informan terhadap rasisme dan diskriminasi perkauman secara lebih mendalam dan bernuansa. Pengalaman interaksi harian yang positif didapati mendorong sikap

yang lebih terbuka serta mengurangkan kepentingan perbezaan etnik dalam hubungan sosial, sejajar dengan pandangan Zahara Aziza et al. (2010) bahawa tahap penerimaan antara kaum dipengaruhi oleh pengalaman dan kekerapan interaksi antara individu.

*Tema 4: Hubungan Lintas/Rentas Sosial Etnik Cina Dengan Etnik Lain Di Kuala Lumpur*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan lintas atau rentas sosial etnik Cina dengan etnik lain di Kuala Lumpur ditafsir oleh informan dalam kerangka yang pragmatik dan berasaskan pengalaman harian. Secara umum, tafsiran informan terhadap hubungan antara etnik tidak hanya bergantung pada wacana perpaduan rasmi, tetapi juga dibentuk oleh pengalaman mereka terhadap dasar kerajaan, interaksi sosial seharian, pengurusan isu sensitif seperti politik, serta persepsi terhadap keadilan sosial dan peluang dalam masyarakat. Analisis data memperlihatkan bahawa walaupun hubungan antara etnik dilihat boleh berlaku secara terbuka dan sihat dalam keadaan tertentu, keterbukaan tersebut masih bergantung pada konteks, kepercayaan terhadap institusi, dan penilaian informan terhadap struktur sosial yang sedia ada.

*a. Dasar perpaduan dilihat lebih menonjol sebagai kebijakan ekonomi berbanding pembinaan hubungan sosial*

Sebahagian informan berpandangan bahawa inisiatif kerajaan yang diperkenalkan atas nama perpaduan masih belum sepenuhnya diterjemahkan sebagai usaha yang mendalam untuk membina hubungan antara etnik dalam kehidupan harian. Sebaliknya, dasar tersebut lebih mudah dilihat dari sudut kebijakan ekonomi berbanding sebagai gagasan sosial yang benar-benar mengukuhkan hidup bersama secara harmoni. Dapatan ini menunjukkan bahawa naratif perpaduan di peringkat dasar belum semestinya difahami oleh informan sebagai pengalaman sosial yang nyata dalam konteks hubungan antara kaum.

*“Dari perspektif saya, konsep Madani lebih dilihat sebagai inisiatif kebijakan ekonomi berbanding usaha membina nilai hidup bersama secara harmoni antara kaum.”*

(Informan 3, Perempuan, 35)

Petikan ini menunjukkan bahawa informan membezakan antara dasar yang bersifat material dengan usaha perpaduan yang bersifat relasional. Dalam konteks ini, hubungan rentas sosial dinilai bukan hanya melalui slogan atau gagasan rasmi, tetapi melalui sejauh mana dasar tersebut benar-benar memperkukuh kehidupan bersama antara etnik.

*b. Perpaduan dilihat sebagai proses jangka panjang yang memerlukan masa dan pengurusan berperingkat*

Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa sebahagian informan melihat isu perpaduan dan hubungan antara etnik sebagai sesuatu yang kompleks serta tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Sikap ini melahirkan pendirian yang lebih berhati-hati dan cenderung menyerahkan urusan tersebut kepada pihak berkuasa atau institusi yang dianggap lebih memahami keadaan. Tafsiran ini menunjukkan bahawa dalam kalangan sesetengah informan, wujud kecenderungan untuk menerima hubungan etnik sebagai isu struktur yang memerlukan pendekatan beransur-ansur, bukan perubahan segera.

*“Ini bukan isu yang boleh diselesaikan dalam masa singkat. Saya memilih untuk mengikuti arus yang ada kerana saya percaya pihak berkenaan lebih memahami apa yang perlu dilakukan.”*

(Informan 5, Lelaki, 41)

Petikan ini memperlihatkan satu bentuk sikap pragmatik yang menerima kerumitan hubungan antara etnik. Pada masa yang sama, ia juga menunjukkan kewujudan sikap pasif tertentu dalam kalangan informan, apabila perubahan sosial berkaitan perpaduan lebih banyak disandarkan kepada pihak berautoriti berbanding tindakan bersama di peringkat masyarakat.

*c. Kualiti hubungan rentas etnik bergantung pada konteks sosial dan keterbukaan individu*

Selain dasar dan masa, bentuk serta kualiti hubungan rentas etnik juga didapati banyak dipengaruhi oleh konteks interaksi dan sikap individu yang terlibat. Dalam sesetengah keadaan, informan menggambarkan hubungan antara etnik sebagai terbuka, sihat, dan membolehkan pertukaran pandangan secara baik. Namun dalam keadaan lain, topik tertentu seperti politik sengaja dielakkan bagi menghindari pertikaian. Dapatan ini menunjukkan bahawa hubungan rentas sosial tidak terbina secara seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh tahap keterbukaan, keupayaan mengurus perbezaan, dan sensitiviti terhadap isu tertentu dalam komunikasi harian.

*“Ada rakan yang pandangannya sempit... kita elak bincang politik supaya tidak timbul konflik. Tapi ada juga yang lebih terbuka, jadi perbualan boleh jadi sihat.”*

(Informan 3, Perempuan, 35)

Petikan ini menggambarkan bahawa interaksi antara etnik dalam kehidupan harian memerlukan rundingan yang berterusan. Keterbukaan sosial bukanlah sesuatu yang berlaku secara automatik, tetapi bergantung kepada kesediaan individu untuk menerima perbezaan dan mengurus topik sensitif secara berhati-hati.

*d. Persepsi terhadap keadilan sosial dan peluang mempengaruhi penilaian hubungan antara etnik*

Satu lagi dapatan penting ialah persepsi informan terhadap keadilan sosial dan struktur peluang dalam masyarakat turut membentuk cara mereka menilai hubungan antara etnik. Sesetengah informan beranggapan bahawa walaupun terdapat usaha untuk berlaku adil, ketidakseimbangan representasi etnik dalam sektor tertentu masih menimbulkan persoalan tentang keterbukaan sebenar dalam masyarakat. Dapatan ini menunjukkan bahawa hubungan rentas sosial tidak hanya dibina melalui interaksi interpersonal, tetapi juga dipengaruhi oleh pemerhatian terhadap susun atur institusi dan peluang yang tersedia kepada kumpulan etnik yang berbeza.

*“Saya rasa mereka cuba berlaku adil, tetapi mungkin wujud sistem kuota... bila masuk pejabat kerajaan, saya tidak nampak kaum lain selain satu kaum tertentu.”*

(Informan 3, Perempuan, 35)

Petikan ini memperlihatkan bahawa pemerhatian terhadap ketidakseimbangan representasi kaum boleh mempengaruhi tahap keyakinan informan terhadap keadilan sosial. Dalam konteks ini, persepsi tentang peluang dan akses menjadi sebahagian daripada asas penilaian terhadap sejauh mana hubungan antara etnik benar-benar terbuka dan seimbang.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan lintas atau rentas sosial etnik Cina dengan etnik lain di Kuala Lumpur dibentuk oleh empat pola utama, iaitu persepsi terhadap dasar perpaduan, kefahaman bahawa perpaduan memerlukan masa, kualiti interaksi yang bergantung pada keterbukaan individu dan konteks sosial, serta penilaian terhadap keadilan sosial dan peluang dalam masyarakat. Kesemua pola ini memperlihatkan bahawa hubungan antara etnik ditafsir secara pragmatik, iaitu berdasarkan apa yang dialami, diperhatikan, dan dirundingkan dalam kehidupan harian. Sejajar dengan Dzolkifli dan Mohd Tohar (2025), dapatan ini menunjukkan bahawa pengukuhan semangat kekitaan memerlukan pendekatan yang lebih holistik dalam dasar dan pendidikan. Dalam konteks kajian ini, hubungan lintas/rentas sosial etnik Cina dengan etnik lain di Kuala Lumpur didapati dipengaruhi oleh persepsi terhadap dasar perpaduan, tahap keterbukaan individu dalam interaksi harian, serta pandangan terhadap keadilan sosial dan peluang dalam masyarakat.

## Perbincangan

*Dari Representasi Kepada Tafsiran Khalayak*

Kajian ini mengisi jurang dalam literatur tempatan yang banyak meneliti representasi media tentang isu perkauman tetapi kurang memberi perhatian kepada bagaimana khalayak minoriti mentafsir liputan tersebut

dalam kehidupan seharian. Tradisi awal yang menekankan pemingkaian media membantu mendedahkan bias institusi, tetapi sering mengandaikan penerimaan makna secara langsung oleh khalayak (Clair & Denis, 2015). Sebaliknya, literatur komunikasi mutakhir melihat khalayak sebagai pemberi makna yang aktif dimana akan membaca, menilai dan merundingkan mesej berdasarkan pengalaman, kedudukan sosial dan budaya mereka (Ashe & Nazroo, 2016; Hadi, 2008).

#### *Teori Penerimaan Khalayak: Bacaan Dominan, Berunding Dan Menentang*

Kerangka Teori Penerimaan Khalayak oleh Stuart Hall menegaskan bahawa teks media bersifat polisemi dan boleh dibaca secara dominan, berunding, atau menentang (Briandana & Azman Azwan, 2020). Dapatan kajian menunjukkan bacaan berunding paling dominan: informan sedar tentang isu rasisme tetapi memilih sikap neutral untuk mengelakkan konflik. Contohnya, apabila berita tentang diskriminasi pekerjaan tular, informan mengakui wujudnya masalah tetapi enggan mengulas secara terbuka di media sosial kerana bimbang menjejaskan hubungan kerja.

Sebaliknya, bacaan dominan muncul apabila liputan menekankan nilai harmoni dan kepelbagaian, misalnya kempen perpaduan nasional; informan menyokong mesej ini tanpa banyak soal. Bacaan menentang pula jarang berlaku, tetapi ada informan yang menolak naratif ekstrem tentang ketegangan kaum kerana pengalaman peribadi mereka menunjukkan interaksi rentas etnik yang positif. Corak ini mengukuhkan hujah bahawa makna tidak statik pada teks, tetapi lahir daripada interaksi dengan konteks sosial (Hadi, 2008).

Dari segi kerangka Teori Penerimaan Khalayak, dinyatakan oleh Briandana & Azman Azwan (2020) bahawa penonton menghasilkan makna melalui interaksi mereka dengan teks media dan interpretasi tidak semestinya sejajar dengan niat asal pengeluar media. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan berita berunsur rasisme dipengaruhi oleh pengalaman hidup, nilai peribadi, dan konteks sosial semasa. Ada informan yang menerima mesej media secara kritikal, ada yang menolak terus, dan ada juga yang menafsirkan semula berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Kajian ini turut memperluaskan teori ini dengan menunjukkan bahawa konteks politik semasa dan pengalaman diskriminasi secara langsung atau tidak langsung memainkan peranan besar dalam membentuk cara khalayak memahami isu-isu sensitif. Ini memberikan sumbangan penting kepada kajian komunikasi massa dan persepsi khalayak dalam masyarakat berbilang kaum.

Teori Pembinaan Sosial yang diperkenalkan oleh Berger (1969) dan dikembangkan oleh Hjelm (2019) menegaskan bahawa realiti sosial dibentuk melalui interaksi sosial dan sejarah manusia. Kajian ini menyokong teori tersebut dengan menunjukkan bahawa persepsi terhadap diskriminasi kaum dan retorik politik bukan hanya terbentuk melalui pengalaman individu, tetapi juga melalui naratif sosial yang dibentuk oleh media dan pemimpin politik. Menurut Aminuddin (2020) bahawa penggunaan isu kaum dan agama secara berterusan sebagai alat politik telah mencetuskan ketegangan antara kumpulan etnik yang berbeza di Malaysia. Kajian ini membuktikan bahawa konsep bangsa dan etnik dalam masyarakat Malaysia adalah hasil daripada konstruk sosial yang sentiasa berubah, dipengaruhi oleh interaksi antara kaum, dasar kerajaan, dan wacana politik semasa.

Menurut Aksana et al. (2009), Teori Interaksionisme Simbolik menekankan bahawa makna dibentuk melalui interaksi sosial dan simbol yang digunakan dalam komunikasi. Kajian ini menyokong teori tersebut dengan menunjukkan bagaimana makna diskriminasi kaum dan perpaduan etnik berubah mengikut konteks sosial serta interaksi antara individu dan media. Dapatan kajian menunjukkan bahawa simbol-simbol politik seperti slogan, imej, dan retorik yang digunakan oleh pemimpin politik boleh memberi kesan besar terhadap cara masyarakat memahami isu perkauman. Simbol-simbol ini bukan sahaja membentuk makna, tetapi juga berpotensi memperkukuh stereotaip dan perpecahan antara kaum. Kajian ini mencabar teori ini dengan menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, simbol politik tidak semestinya membawa makna yang positif atau menyatukan. Sebaliknya, ia boleh menjadi alat yang memecahbelahkan masyarakat jika digunakan secara agresif atau manipulatif. Ini memperluaskan teori interaksionisme simbolik dengan memberikan perspektif baharu tentang bagaimana simbol dan retorik politik berfungsi dalam masyarakat berbilang kaum.

#### *Interaksi Simbolik: Pengalaman Harian Sebagai Penapis Naratif*

Teori Interaksi Simbolik membantu menjelaskan mengapa pengalaman harian lebih berpengaruh daripada naratif media. Informan sering merujuk kepada hubungan di tempat kerja atau kejiranan untuk menilai kesahihan liputan rasisme. Apabila pengalaman nyata tidak sejajar dengan gambaran media yang dramatik, mereka cenderung menapis mesej dan mengelak perdebatan. Ini selaras dengan dapatan tempatan tentang amalan hubungan rentas etnik yang positif (Mak Din et al., 2020; Aksana et al., 2009).

#### *Pembinaan Sosial Dan Strategi Mengekalkan Harmoni*

Daripada perspektif Teori Pembinaan Sosial, sikap berhati-hati dan penapisan sendiri mencerminkan norma kolektif dalam masyarakat Malaysia yang menekankan kestabilan sosial (Berger & Luckmann, 1966; Hjelm, 2019). Strategi ini bukan tanda pasif, tetapi mekanisme untuk mengurus kepelbagaian dalam konteks sensitif. Malah, wujud sokongan rentas kaum untuk mengecam rasisme dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan serta dasar inklusif. Ini menunjukkan pendirian neutral boleh berfungsi sebagai ruang selamat sementara, bukan penghalang perpaduan.

#### *Peranan Media Sosial: Ruang Awam Digital*

Media sosial mempercepat wacana tetapi juga meningkatkan risiko reputasi, menjadikan khalayak lebih selektif dalam menyatakan pendirian (Matamoros-Fernández & Farkas, 2021). Mekanisme pemerhatian rakan sebaya dan norma komuniti mengukuhkan corak bacaan berunding. Sejalan dengan Hadi (2008), kajian ini menempatkan khalayak sebagai pembina makna aktif dimana apa yang mereka baca, hadam dan bincang tentang rasisme ialah hasil interaksi dengan teks dan situasi sosial yang mereka alami.

### **Kesimpulan**

The Kajian ini mendapati bahawa persepsi komuniti etnik Cina di Kuala Lumpur terhadap dasar kerajaan, khususnya Program Madani, lebih tertumpu kepada aspek kebajikan ekonomi berbanding usaha membina nilai perpaduan yang mendalam. Keadaan ini menunjukkan wujud jurang antara dasar kerajaan dan harapan masyarakat terhadap perpaduan sejati. Dari segi hubungan rentas etnik, interaksi sosial banyak bergantung kepada konteks seperti persekitaran kerja dan komuniti setempat. Ada yang bersikap terbuka terhadap perbincangan politik, manakala sebahagian memilih untuk mengelak kerana perbezaan pandangan boleh menimbulkan konflik. Persepsi tentang kewujudan sistem kuota dalam sektor awam turut mempengaruhi pandangan terhadap keadilan sosial.

Cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh informan menekankan kepentingan pendidikan inklusif untuk mengurangkan segregasi sejak awal usia, penganjuran aktiviti silang budaya seperti perarakan Hari Kebangsaan, serta pelaksanaan dasar ekonomi dan pendidikan yang lebih adil bagi mengurangkan jurang sosial. Faktor pengalaman peribadi juga memainkan peranan penting; individu yang lebih banyak bergaul dengan pelbagai kaum cenderung lebih optimis terhadap perpaduan, manakala mereka yang kurang berinteraksi melihat diskriminasi sebagai lebih ketara. Pengalaman menetap di Kuala Lumpur memberi pendedahan kepada kepelbagaian budaya, sekali gus mempengaruhi penerimaan sosial.

Secara keseluruhan, kajian ini memperluas pemahaman tentang bagaimana liputan media dan retorik politik membentuk persepsi etnik terhadap isu rasisme dan perpaduan. Ia menekankan keperluan dasar inklusif dan komunikasi terbuka sebagai langkah penting untuk mengukuhkan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum. Kajian ini juga mengisi jurang dalam penyelidikan terdahulu yang lebih menekankan pendekatan kuantitatif dengan memberikan analisis kualitatif yang mendalam mengenai dinamika sosial dan politik di Malaysia.

Kajian ini mempunyai beberapa had yang perlu diambil kira. Pertama, saiz sampel adalah terhad kerana hanya melibatkan enam orang informan dari Kuala Lumpur. Keadaan ini menjadikan dapatan kajian tidak mewakili keseluruhan populasi. Kedua, konteks kajian hanya tertumpu kepada satu bandar metropolitan, iaitu Kuala Lumpur. Oleh itu, hasil kajian mungkin berbeza sekiranya dilakukan di kawasan luar bandar atau negeri lain. Ketiga, isu sensitiviti dan bias sosial turut menjadi cabaran kerana topik rasisme dan perpaduan

boleh menyebabkan informan berhati-hati atau menapis jawapan mereka, sekali gus mempengaruhi ketepatan data yang diperoleh.

Bagi kajian lanjutan, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan. Pertama, perluasan lokasi dan sampel adalah penting supaya kajian melibatkan lebih banyak kawasan dan kumpulan etnik bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh. Kedua, pendekatan longitudinal wajar digunakan untuk menilai perubahan persepsi dan tingkah laku dari masa ke masa, kerana isu perpaduan dan rasisme bersifat dinamik. Ketiga, penggunaan kaedah campuran disarankan dengan menggabungkan analisis kuantitatif seperti survei berskala besar bersama kaedah kualitatif seperti temu bual mendalam. Pendekatan ini akan memperkukuh kebolehpercayaan dapatan dan memberikan pemahaman yang lebih holistik terhadap isu yang dikaji.

**Penghargaan:** Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Sekretariat Siswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM dan juga Pusat Penyelidikan dan Instrumentasi, UKM di atas pembiayaan penerbitan artikel ini di bawah Tabung Akaun Penyelidikan TAP-K021290.

**Kenyataan Persetujuan Termaklum:** Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua enam orang informan yang terlibat dalam kajian ini. Sebelum sesi temu bual dijalankan, mereka telah dimaklumkan tentang tujuan penyelidikan, kaedah pengumpulan data, serta hak mereka sebagai informan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan setiap informan diberi jaminan kerahsiaan serta kebebasan untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Disebabkan perbezaan bahasa yang digunakan oleh informan, maklumat yang dikongsi telah disampaikan semula dalam bahasa Melayu dengan mengekalkan maksud sebenar, bukan terjemahan secara langsung perkataan demi perkataan, perkara ini diketahui oleh informan-informan.

**Konflik Kepentingan:** Tiada sebarang konflik kepentingan.

## Rujukan

- Aksana, N., Kısaca, B., Aydına, M., & Demirbuken, S. (2009). Symbolic interaction theory. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 902–904. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2009.01.160>
- Aminuddin, N. A. (2020). Ethnic differences and predictors of racial and religious discriminations among Malaysian Malays and Chinese. *Cogent Psychology*, 7(1), 1–15. <https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1766737>
- ASEAN-Australia Strategic Youth Partnership. (2020, July 26). *Why have Malaysian minorities internalised systemic racism for 63 years?* <https://aasyp.org/2020/07/26/why-have-malaysian-minorities-internalised-systemic-racism-for-63-years>
- Ashe, S. D., & Nazroo, J. (2016). *Equality, diversity and racism in the workplace: A qualitative analysis of the 2015 Race at Work Survey*. <http://hummedia.manchester.ac.uk/institutes/code/research/raceatwork/>
- Atlantic Council. (2020, June 10). *Why the George Floyd protests went global*. <https://www.atlanticcouncil.org/blogs/new-atlanticist/george-floyd-protests-world-racism/>
- Aziza, Z., Salleh, A., & Ribu, H. E. (2010). A study of national integration: Impact of multicultural cultural values. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7(C), 691–700. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.10.094>
- Bakenne, N. A., Alolade, A. O., Ayanwale, O. E., & Adenekan, O. (2025). Digital platforms and the promotion of ethnic chauvinism: Implication for social cohesion and online discourse. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(4), 196–208. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2204.17>
- Balakrishnan, K., Angusamy, A., Palraj, N., & Triasuti, E. (2025). Influence of social media exposure factors on cultural acculturation: Ethnic identity as a mediator. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 17(5), 165–183.
- Barth, F. (1998). *Ethnic groups and boundaries: The social organization of culture difference*. Waveland Press.

- BBC. (2020, June 20). *George Floyd: Black Lives Matter protests go global*. <https://www.bbc.com/news/av/world-52967551>
- Berger, P. L., & Luckmann, T. (1966). *The social construction of reality: A treatise in the sociology of knowledge*. Anchor Books. <https://ia803205.us.archive.org/5/items/BergerSocialConstructionOfReality/Berger%20social-construction-of-reality.pdf>
- Briandana, R., & Azman Azwan, A. (2020). New media audience and gender perspective: A reception analysis of millennials interpretation. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 6(1), 58–63. [https://www.researchgate.net/publication/338674776\\_New\\_media\\_audience\\_and\\_gender\\_perspective\\_A\\_reception\\_analysis\\_of\\_millennials\\_interpretation](https://www.researchgate.net/publication/338674776_New_media_audience_and_gender_perspective_A_reception_analysis_of_millennials_interpretation)
- China Press. (2020, December 25). 【柔佛人头条】恢复华人尊长-释善意-柔王室肯定华社地位 [Pemulihan status tokoh tua Cina – Isyarat niat baik – Institusi Diraja Johor mengiktiraf peranan masyarakat Cina]. <http://johor.chinapress.com.my/20201225/%E3%80%90%E6%9F%94%E4%BD%9B%E4%BA%BA%E5%A4%B4%E6%9D%A1%E3%80%91%E6%81%A2%E5%A4%8D%E5%8D%8E%E4%BA%BA%E5%B0%8A%E9%95%BF-%E9%87%8A%E5%96%84%E6%84%8F-%E6%9F%94%E7%8E%8B%E5%AE%A4%E8%82%AF/>
- China Press. (2021, February 21). 重视柔苏丹华人不是外来者言论 [Pengiktirafan Sultan Johor terhadap masyarakat Cina – Bukan pendatang, tetapi warga Malaysia sejati]. <https://www.chinapress.com.my/20210221/%E9%87%8D%E8%A7%86%E6%9F%94%E8%8B%8F%E4%B8%B9%E5%8D%8E%E4%BA%BA%E4%B8%8D%E6%98%AF%E5%A4%96%E6%9D%A5%E8%80%85%E8%A8%80%E8%AE%BA-%E5%90%B4%E6%B7%BB%E6%B3%89%EF%BC%9A%E5%B1%95%E7%A4%BA/>
- Clair, M., & Denis, J. S. (2015). Sociology of racism. *Du Bois Review: Social Science Research on Race*, 12(1), 1–24. <https://doi.org/10.1017/S1742058X15000167>
- Clayton, D. M. (2018). Black Lives Matter and the civil rights movement: A comparative analysis of two social movements in the United States. *Journal of Black Studies*, 49(5), 448–480. <https://doi.org/10.1177/0021934718764099>
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Current population estimates, Malaysia, 2024*. <https://www.dosm.gov.my>
- DiCicco-Bloom, B., & Crabtree, B. F. (2006). The qualitative research interview. *Medical Education*, 40(4), 314–321. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2929.2006.02418.x>
- Dzolkifli, N. I. N. M., & Mohd Tohar, S. N. A. (2025). Teori dan model semangat kekitaan dalam memperkukuh perpaduan di Malaysia: Perspektif Islam dan Barat [Theory and model of belongingness in strengthening unity in Malaysia: Islamic and Western perspectives]. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(2). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2202.09>
- Edisi 9. (2021, February 20). *Masyarakat Cina di Johor bukan pendatang – Sultan Ibrahim*. <https://www.edisi9.com.my/2021/02/masyarakat-cina-di-johor-bukan-pendatang-sultan-ibrahim/>
- Embong, A. R. (2002). Malaysia as a multicultural society. *Macalester International*, 12, 141–157. <https://digitalcommons.macalester.edu/macintl/vol12/iss1/10>
- Free Malaysia Today. (2020, September 1). *Plantation manager appointed “Mejar Cina” by Johor Sultan*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/09/01/plantation-manager-appointed-mejar-cina-by-johor-sultan/>
- Gunter, B. (2000). *Media research methods: Measuring audiences, reactions and impact*. SAGE.
- Hadi, I. P. (2008). Penelitian khalayak dalam perspektif reception analysis. *Jurnal Ilmiah Scriptura*, 2(1), 1–7. <http://puslit.petra.ac.id/journals/communication/>
- Harian Metro. (2020, June 9). “Saya bercakap melalui pengalaman” – Samantha Katie. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/06/585212/saya-bercakap-melalui-pengalaman-samantha-katie>

- Hjelm, T. (2019). Rethinking the theoretical base of Peter L. Berger's sociology of religion: Social construction, power, and discourse. *Critical Research on Religion*, 7(3), 223–236. <https://doi.org/10.1177/2050303219874392>
- Jawan, J., Boyman, S. N., & Kadam-Kiai, S. B. (2020). Dynamics of ethnic relations in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 28(3), 1959–1973. <http://www.pertanika.upm.edu.my/papers.php?journal=jssh>
- Jerome, C., Hasbi, N., & Ting, S. H. (2024). “Stop being racist”: What Malaysians say about race on social media – A thematic analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 392–407. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.936030>
- Kua, K. S. (2020, June 9). *Calls for end to systemic racism and racial discrimination*. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/letters/529393>
- Lee, H.-A., & Abdul Khalid, M. (2016). Discrimination of high degrees: Race and graduate hiring in Malaysia. *Journal of the Asia Pacific Economy*, 21(1), 53–76. <https://doi.org/10.1080/13547860.2015.1055948>
- Lino, M., & Hashim, I. H. M. (2021). Cultural tolerance, positive relationships and well-being in Malaysian multicultural communities. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(2), 1–12. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/44466>
- Mak Din, H. A., Hassan, N. A., Abdullah, A., Ismail, M. M., & Md Yunus, M. (2020). Hubungan sosial rentas etnik ke arah pengukuhan kesepaduan sosial di Malaysia [Cross-ethnic social relations towards empowerment of social cohesion in Malaysia]. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42(2), 229–246. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-14>
- Malay Mail. (2018, May 30). *Mohd Zaini: As long as vernacular schools exist, UiTM will remain Bumiputera-only*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/05/30/mohd-zaini-as-long-as-vernacular-schools-exist-so-will-bumiputera-only-uitm/1636677>
- Marbaniang, D. (2016). *Ethnicity and ethnocentrism*. [https://www.researchgate.net/publication/330958382\\_Ethnicity\\_and\\_Ethnocentrism](https://www.researchgate.net/publication/330958382_Ethnicity_and_Ethnocentrism)
- Matamoros-Fernández, A., & Farkas, J. (2021). Racism, hate speech, and social media: A systematic review and critique. *Television & New Media*, 22(2), 205–224. <https://doi.org/10.1177/1527476420982230>
- Mendes, A., Lopez-Valeiras, E., & Lunkes, R. J. (2017). Pluralistic ignorance: Conceptual framework, antecedents and consequences. *Intangible Capital*, 13(4), 902–918. <https://doi.org/10.3926/ic.1063>
- Mohamed Farid Noh. (2020, September 20). *Sultan Johor lantik seorang Mejar Cina*. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/726755/sultan-johor-lantik-seorang-mejar-cina>
- Mustaffa, N., Ibrahim, F., Samani, M. C., & Abd. Rahim, M. H. (2010). Persepsi khalayak terhadap kredibiliti media di Malaysia [Audience perception on media credibility in Malaysia]. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 5(2), 153–160. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/21657/6661>
- Negara Merdeka. (2021, May 20). *Terkini!!! Cina bukan pendatang, titah Sultan Johor*. <https://negaramerdeka.com/terkini-cina-bukan-pendatang-titah-sultan-johor/>
- New Straits Times. (2020, November 20). *Sultan Johor awards datukship to 4 individuals*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/11/643327/sultan-johor-awards-datukship-4-individuals>
- Oriental Daily. (2021, February 21). 柔苏丹：华人非外来者 华总拟收集访谈 [Sultan Johor: Masyarakat Cina bukan pendatang – Huazong rancang kumpul temu bual]. <https://www.orientaldaily.com.my/index.php/news/nation/2021/02/21/394061>
- Othman, Z. (2025). Social capital in a diverse Malaysia: Enhancing bonding, bridging, and linking for greater social cohesion. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(1). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.20>
- Pandian, S., Ho, K. H., & Mansor, M. N. (2015). Warisan kaum dan wawasan bangsa dalam kesejahteraan hubungan etnik di Malaysia. In *Hubungan etnik di Malaysia: Warisan, watan dan wawasan* (pp. 1–20). Universiti Sains Malaysia.
- Pusat KOMAS. (2020). *Laporan diskriminasi kaum Malaysia 2020*. Pusat KOMAS.

- Says. (2018, May 30). *The number of people who don't want UiTM to be open to non-Bumis has crossed 150,000*. <https://says.com/my/news/over-150-000-people-and-counting-don-t-want-uitm-to-be-open-to-non-bumiputeras>
- Sin Chew Daily. (2020, December 20). 柔苏丹：充王室与华社桥梁，委黄亚福后裔任“华人宗长” [Sultan Johor: Menjadi jambatan antara institusi diraja dan masyarakat Cina – Melantik keturunan Wong Ah Fook sebagai “Tokoh Tua Cina”]. [https://www.sinchew.com.my/content/content\\_2335243.html](https://www.sinchew.com.my/content/content_2335243.html)
- Sin Chew Daily. (2021, July 1). 柔苏丹：受邀来助发展经济。华人不是外来者 [Sultan Johor: Masyarakat Cina bukan pendatang]. [https://www.sinchew.com.my/content/content\\_2430856.html](https://www.sinchew.com.my/content/content_2430856.html)
- Sinar Harian. (2020, December 20). *Banyak perkara dalam Wawasan 2020 dicapai: Dr Mahathir*. <https://www.sinarharian.com.my/article/64754/BERITA/Nasional/Banyak-perkara-dalam-Wawasan-2020-dicapai-Dr-Mahathir>
- Sinar Harian. (2020, May 20). *Wawasan 2020 gagal kerana perubahan dasar kepimpinan negara*. <https://www.sinarharian.com.my/article/112383/BERITA/Nasional/Wawasan-2020-gagal-kerana-perubahan-dasar-kepimpinan-negara>
- Sinar Harian. (2021, May 20). *Sultan Ibrahim hargai sumbangan masyarakat Cina di Johor*. <https://www.sinarharian.com.my/article/124911/EDISI/Sultan-Ibrahim-hargai-sumbangan-masyarakat-Cina-di-Johor>
- Sinar Harian. (2021, May 20). *Sultan Johor hidupkan semula gelaran Mejar Cina*. <https://www.sinarharian.com.my/article/99186/EDISI/Johor/Sultan-Johor-hidupkan-semula-gelaran-Mejar-Cina>
- Talib, K. A., & Baharuddin, S. A. (2020). Cultural diversity in Malaysia and the reconciliation for integration. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(1), 1–20. <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/44466>
- The Malay Mail. (2020, September 1). *Johor Sultan revives historical “Mejar Cina” title, confers it on community leader in state*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/09/01/johor-sultan-revives-historical-mejar-cina-title-confers-it-on-community-le/1899175>
- The Rakyat Post. (2020, May 13). *Malaysia ranks #2 in global racial discrimination but netizens question survey legitimacy*. <https://www.therakyatpost.com/2020/05/13/malaysia-ranks-2-in-global-racial-discrimination-but-netizens-question-survey-legitimacy/>
- The Star. (2020, June 3). *As protests spread across the world, time for Malaysia to examine its own record on minorities*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/06/03/nazir-razak-says-time-to-deliberate-a-new-platform-for-malaysia>
- The Star. (2020, September 2). *Johor ruler revives “Mejar Cina” title*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/09/02/johor-ruler-revives-mejar-cina-title>
- The Straits Times. (2020, August 20). *Malaysian beauty queen sorry over racist remarks on US protests*. <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysian-beauty-queen-sorry-over-racist-remarks-on-us-protests>
- The Sun Daily. (2020, September 1). *Johor Sultan appoints a “Mejar Cina” in reviving title*. <https://www.thesundaily.my/local/johor-sultan-appoints-a-mejar-cina-in-reviving-title-MI3785394>
- Utusan Malaysia. (2021, February 20). *Sultan Ibrahim hargai peranan masyarakat Cina*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/sultan-ibrahim-hargai-peranan-masyarakat-cina/>
- Vertovec, S. (2007). Super-diversity and its implications. *Ethnic and Racial Studies*, 30(6), 1024–1054. <https://doi.org/10.1080/01419870701599465>
- World Population Review. (2021). *Kuala Lumpur population 2021*. <https://worldpopulationreview.com/world-cities/kuala-lumpur-population>
- Yahoo News. (2020, September 1). *Sultan revives historical “Mejar Cina” title, confers it on community leader in state*. <https://malaysia.news.yahoo.com/johor-sultan-revives-historical-mejar-104840873.html>

- Yunus, M. M., Mohd Nasir, N. Y., & Samsudin, N. H. (2020). Impak prejudis dan jarak sosial terhadap komunikasi antara etnik di Pangsapuri Seksyen 2 Wangsa Maju, Kuala Lumpur. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 34–53. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3604-03>
- Zakaria, M. F., & Ibrahim, A. (2022). Chinese civilization in Malaysia: History and contribution. *Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 1–6. <https://doi.org/10.26666/rmp.jssh.2022.1.1>
- Zuliani, M. A., Hassan, M. S., Ibrahim, N. A. N., Allam, S. N. S., Aziz, S. H. A., Khamis, M. H., & Yahaya, F. Y. (2023). Exploring media racial portrayal: Awareness, sensitivity, and implications. *International Journal of Information and Knowledge Management, Special issue*, 1–15. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/87417>